ISSN : 2180-4141

BIL 7 - JUN 2013

# mycais@unimas

Buletin Pusat Khidmat Maklumat Akademik



# Memasyarakatkan Ilmu

Memacu Kecemerlangan Ilmu
www.cais.unimas.my




**Penaung**
Prof. Datuk Dr. Khairuddin Ab Hamid

**Penasihat**
Margaret Simeng

**Ketua Editor**
Korina Ibrahim

**Editor**
Tn. Hj. Valentino Abu Bakar
Wan Abdul Rahman Wan Bujang

**Sidang Pengarang**
Aziz Tuah
Frederick Jamali
Japar Kalok
Karen Kornalius
Korina Ibrahim
Mohd Khairol Hafiz Sanawi
Margaret Simeng
Noorashikin binti Johari
Norazlina Abdul Rahman
Shahron Saman
Siti Raffidah Tekat
Sri Muniarty John
Tn. Hj. Valentino Abu Bakar
Wan Abdul Rahman Wan Bujang
Zaiden Sanyut
Zaidon Safiee
Zainun Mat Nor

**Jurufoto**
Abd Rahman Mohd Hussain

**Edaran**
Emildawati Abd Hamid
Shafinaz Mohd Dahan

Maklumat Lanjut :
Pusat Khidmat Maklumat Akademik
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan, Sarawak
No. Tel.: 082-583927
email: mdshafinaz@cais.unimas.my
No. Faks: 082-665156

# Seulas Kata
# KETUA PUSTAKAWAN



Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia

Separuh tahun pertama 2013 telah berlalu. Seiring dengan teras PSPTN iaitu memperkasakan IPT serta memasyarakatkan Ilmu, PKMA telah memastikan pembangunan Repositori Institusi Unimas berjalan lancar dengan sumbangan berterusan daripada pihak F/P/I. Adalah diharapkan dengan peningkatan bahan serta pengaksesan yang meluas ini akan meningkatkan lagi visibiliti para pensyarah serta penyelidik yang seterusnya akan melonjakkan lagi petikan kepada hasil penerbitan mereka. Usaha ini dimantapkan lagi dengan pelaporan tentang penerbitan dan petikan UNIMAS di dalam *Scopus* dan *ISI WoS* secara berterusan oleh Pusat. Ini adalah supaya pensyarah dan penyelidik sentiasa mengambil maklum tentang dunia penerbitan terutama dalam jurnal berimpak tinggi yang sentiasa dipetik serta status penerbitan dan petikan UNIMAS. Ini diharap akan dapat menggalakkan lagi penyelidikan dan penerbitan yang mana sudah pasti akan dapat membantu dalam penarafan Universiti.

Dari aspek pembangunan sumber ilmu, sasaran Pusat adalah untuk mencapai sekurang-kurangnya 80% bahan-bahan dalam senarai UNIMAS *eCourse Outline*. Dengan penambahbaikan yang berterusan dilakukan pada sistem tersebut serta dengan kerja sama F/P/I Pusat berharap akan dapat memastikan semua bahan yang disenaraikan sudah terdapat dalam koleksi. Ini bagi menjamin bahan-bahan untuk menyokong serta memperkasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran sentiasa tersedia sama ada dari segi judul mahupun bilangan naskhah.

Pusat juga berharap untuk mengekalkan pensijilan MS ISO 9009:2008 bagi tahun ketiga berturut-turut apabila pihak SIRIM membuat auditan pada Julai nanti. Auditan oleh Juruaudit Dalam telah berjalan sepanjang Mei dan Jun lepas.

Tahun 2013 juga melihat PKMA mengambil inisiatif untuk turun padang menerusi Program Kembara Ilmu ke F/P/I. Objektif program ini antara lain adalah untuk mendekati serta menjalin kerja sama pintar dengan warga F/P/I, mempromosikan perkhidmatan & kemudahan serta mendapat maklum balas bagi tindakan penambahbaikan. Dengan *engaging* para pengguna Pusat berharap apa jua perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan akan dapat memenuhi keperluan maklumat mereka yang sebenar dan bukan yang difikir apa yang mereka perlukan. Dengan penambahan bilangan pelajar yang memasuki program Pengajian Pra-Universiti pada sesi 2013/2014 Pusat juga perlu memastikan perkhidmatan dan kemudahan di PKMA Pengajian Pra-universiti di Kampus Timur sentiasa ditambahbaik. Adalah menjadi hasrat Pusat supaya setiap janji dalam Piagam Pelanggan PKMA sentiasa dipenuhi. Selamat membaca!

# ISI KANDUNGAN











- **4** • Jalinan Strategik *k@Borneo*
- **5** • Semangat 1Malaysia dan Semangat 1UNIMAS
- **6** • Repostitori Institusi Terus Disemarakkan
- **7** • Penerbitan & Sitasi UNIMAS Semakin Cemerlang
- **8** • Literasi Maklumat
- **9** • Sasaran 85% Tercapai Melalui Pinjaman Antara Perpustakaan (Dalaman) Dan Perkhidmatan Bekalan Dokumen
- **10** • Memasyarakatkan Ilmu
- **11** • Jom Bersama PKMA!!!
- **12** • Memantapkan Penyampaian Maklumat
- **13** • Khidmat Komuniti *(BookShare Project)*
- **14** • Ketrampilan Maklumat Ditingkatkan
- **15** • Kelestarian Maklumat Melalui Keratan Akhbar
- **16** • Literasi Maklumat Di PKMA-PPU
- **17** • Majlis Randau PKMA Bersama Fakulti & Hari Bersama Pelanggan "Memacu Kecemerlangan Ilmu"
- **18** • Ramadhan Pesta Ibadah, Bukan Pesta Juadah
- **19** • PKMA Terus Unggul di Kejohanan Olahraga Sukan Staf UNIMAS 2013
- **20** • Santai Ilmu
- **22** • Senarai Lawatan/ Senarai Aktiviti
- **23** • Senarai Program
- **24** • *Code Of Ethics For Librarians*
- **24** • Kenali Staf PKMA


## Dari Pena KETUA EDITOR

Assalamualaikum warahmatullahhi wabarakatuh



Syukur kita kepada Allah S.W.T di atas limpah kurnia dan dengan izinNya, dapat kita bertemu semula pada keluaran *mycais@unimas* yang ke-7 dalam tahun 2013 ini. Saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua yang terlibat dalam meneruskan penerbitan *mycais@unimas* dan segala usaha dan buah fikiran yang dicurahkan amatlah saya hargai.

Pada keluaran ini, *mycais@unimas* telah memuatkan beberapa artikel mengenai aktiviti yang memberi fokus kepada pemasyarakatan ilmu dan perpustakaan yang telah dijalankan sepanjang Jan-Jun 2013, untuk dikongsi bersama para pembaca umumnya dan khasnya pengguna PKMA. Antaranya ialah *Bookshare Project*, Peranan Perpustakaan Di Dalam Memajukan Masyarakat Berilmu, PKMA Tawarkan Modul Literasi Maklumat Kepada Golongan Sasaran Untuk Mempertingkatkan Kemahiran Maklumat & Pengetahuan, Semangat 1Malaysia dan Penerapan Pembelajaran Sepanjang Hayat Melalui Program *CAIS Volunteers*, Pustakawan Penghubung Fakulti Memantapkan Penyampaian Maklumat dan Jom Bersama PKMA !

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan seorang ahli keluarga PKMA yang baharu iaitu Cik Dayang Norsheila Abang Mohtar pada Jun 2013 dan kini ditempatkan di Unit Pengurusan Teknikal. Semoga dengan bertambahnya tenaga professional di PKMA ianya akan terus memantapkan keefisienan PKMA dalam penyaluran maklumat kepada semua pengguna.

Akhir kata Selamat Menyambut Ramadhan Al-Mubarak.

Selamat membaca, Wassalam



Oleh: Siti Raffidah Tekat & Margaret Simeng

# Jalinan Strategik k@Borneo





Pada 14-15 Pada 9 April 2013 yang lepas telah diadakan Majlis Menandatangani *MoC k@Borneo* ke empat bertempat di Hotel Mercure Banjarmasin Kalimantan Selatan Indonesia.

Majlis menandatangani *MoC* ini telah disaksikan oleh Yang Terhormat Bapak Muhammad Arsyadi ME (Sekretaris Daerah/Sekda Provinsi Kalimantan Selatan) yang mewakili Gabenor Kalimantan Selatan. Bibliografi k@Borneo Ke-2 turut dilancarkan sempena majlis menandatangani *MoC* ini.

PKMA merupakan ahli dalam kerjasama serantau k@Borneo iaitu kerjasama yang melibatkan pengumpulan bahan Borneo dari negara-negara kepulauan Borneo. Penglibatan negara dari kepulauan Borneo seperti Sarawak, Sabah dan Kalimantan ini dapat mengumpul dan memelihara koleksi bahan Borneo agar ianya dapat diakses sepenuhnya oleh masyarakat luar. Agensi yang terlibat adalah seperti perpustakaan negeri dan jabatan-jabatan kerajaan antaranya Pustaka Negeri Sarawak, UNIMAS, Perpustakaan Negeri Sabah, Muzium Sabah, UMS, Badan Perpustakaan Provinsi Kalimantan Barat dan Majlis Adat Dayak Nasional Kalimantan Barat.

*MoC* pada kali ini telah disertai oleh dua ahli/ anggota institusi baru daripada Kalimantan Selatan iaitu:-

a. Institut Agama Islam Negeri (IAIN) Antasari Banjarmasin
b. Universitas Lambung Mangkurat (UNLAM) Banjarmasin

Antara yang hadir ialah:

| | |
|---|---|
| Tan Sri Datuk Amar Dr. Haji Hamid Bugo, Pengerusi Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak | Pustaka Negeri Sarawak |
| Datuk Asnimar Haji Sukardi, Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Masyarakat dan Hal Ehwal Pengguna Sabah | Perpustakaan Negeri Sabah |
| Bapak Lensus Kandri, Ass.II Sekda Prov. Kalbar (mewakili Gabenur Kalimantan Barat) | Badan Perpustakaan Kearsipan dan Dokumentasi Provinsi Kalimantan Barat |
| Bapak Prof. Dr.H. Akh Fauzi Aseri MA, Rektor IAIN Antasari | IAIN Antasari Banjarmasin |
| Bapak Prof. Dr. Ir. H. Muhammad Ruslan, M.S., Rektor UNLAM | Universitas Lambung Mangkurat Banjarmasin |
| Prof. Dr. Syarif A. Kadir, Timbalan Naib Canselor (Akademik) Universiti Malaysia Sabah (mewakili Naib Canselor UMS) | UMS |
| Bapak Ir. H. Waskita, MM, Pembantu Rektor III UNTAN (mewakili Rektor UNTAN) | UNTAN |
| Puan Janet Rata Noel, Kurator | *The Tun Jugah Foundation* |
| Bapak Drs. HM Hawari, Kepala Badan Bapustarda Kalsel | Bapustarda Kalsel |
| Puan Joanna Datuk Kitingan, Pengarah | Jabatan Muzium Sabah |
| Bapak Thampunah Sinseng, Sekretaris Jenderal MADN | MADN |
| Bapak Darmae Nasir, Ph.D, Ketua Dewan Adat Dayak Kalimantan Tengah (DAD Kalteng) | DAD Kalteng |
| Puan Zaiton Bakri, Ketua Pustakawan (mewakili Pengarah Yayasan Sabah) | Yayasan Sabah |
| Puan Margaret Simeng, Ketua Pustakawan (mewakili Naib Canselor UNIMAS) | UNIMAS |
| Puan Masniah Othman, Ketua Perhubungan Awam (mewakili Pengarah Jabatan Perhutanan Sabah) | Jabatan Perhutanan Sabah |
| Bapak Lufti, Kepala Bidang Deposit (mewakili Kepala Badan Perpustakaan, Arsip dan Dokumentasi Provinsi Kalimanatan Tengah) | Badan Perpustakaan, Arsip dan Dokumentasi Provinsi Kalimantan Tengah |
| Dewan Adat Dayak Kalimantan Selatan (DAD Kalsel) | DAD Kalsel |













# Semangat 1Malaysia dan 1UNIMAS

*Oleh • Noorashikin binti Johari & Zainun Mat Nor*

Pada 12 Mei 2013, telah berlangsungnya program *'CAIS Volunteers'* di Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA), UNIMAS. Program ini telah dianjurkan oleh Exco Akademik & Kerjaya Jawatankuasa Perwakilan Kolej Cempaka 2012/2013 dengan kerjasama pihak PKMA. Seramai 150 orang peserta yang telah membuat prapendaftaran bagi mengikuti program ini. Walaubagaimananapun, hanya 85 orang peserta sahaja yang telah datang bagi menjayakan program *'CAIS Volunteers'* ini. Namun, program ini masih berjalan dengan lancar.

Tujuan program ini dijalankan adalah seperti berikut:

a. Memupuk semangat kesukarelawanan, semangat berpasukan.
b. Membentuk sifat tolong-menolong dalam diri setiap peserta.
c. Mengeratkan silaturrahim antara pelajar UNIMAS yang menginap Kolej Cempaka.
d. Mendedahkan para pelajar kepada pelbagai sumber ilmu yang disediakan oleh PKMA.
e. Mendedahkan cara kerja staf PKMA dan seterusnya memupuk sikap menghargai setiap usaha yang dijalankan oleh PKMA dalam menyokong proses pembelajaran dan penyelidikan para pelajar.

Aktiviti program dimulakan dengan penerangan ringkas mengenai proses penyusunan ke atas rak oleh Pembantu Perpustakaan Kanan, En. Yakub Abdul Rahim dan Tuan Hj Jambri b Muhidden Pembantu Perpustakaan PKMA kepada Ahli Jawatankuasa Program. Seterusnya taklimat mengenai PKMA oleh Timbalan Ketua Pustakawan (Perkhidmatan). Para pelajar dibahagikan kepada enam kumpulan besar, iaitu tiga kumpulan masing-masing kumpulan di tingkat satu dan dua PKMA.

Sepanjang program berlangsung, dapat dilihat kesungguhan para pelajar bekerjasama mengasingkan bahan mengikut nombor panggilan dan seterusnya menyusun buku ke atas rak-rak, sehingga ada yang bersila di atas lantai. Hasilnya amat membanggakan, dimana keadaan kebanyakan buku yang berselerak kerana pada masa yang sama PKMA dipenuhi dengan para pelajar lain yang sibuk mencari bahan untuk menyiapkan penulisan kerja kursus dan sebagainya telah disisih, disusun dengan teliti dan kemas ke atas rak-rak.

Pelbagai gelagat dapat dilihat, ada kalanya mereka membelek-belek buku yang hendak disusun dan ada juga yang terus duduk membaca. Tidak kurang juga yang pada mulanya termenung, tidak tahu bagaimana untuk bermula, tetapi kelihatan bersemangat hingga ke akhir program.

Pusat menerima banyak komen positif daripada para peserta, antaranya:

a. Perlu diteruskan pada semester akan datang
b. Program boleh dikembangkan dengan Kolej-Kolej Kediaman Pelajar yang lain
c. Pengetahuan bagaimana susunan buku di rak, memudahkan pencarian apabila diperlukan
d. PKMA bukan sahaja menyediakan buku-buku bersifat akademik semata-mata, malah juga yang mengandungi unsur-unsur hiburan dan pengetahuan am.
e. Para pelajar merasai sendiri pengalaman "bekerja" di perpustakaan, seterusnya memahami dan menghargai kerja-kerja penyusunan buku-buku ke atas rak oleh staf PKMA



Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya dilaksanakan walaupun terdapat beberapa masalah yang timbul sebelum dan semasa program berlangsung dan para peserta yakin program *'CAIS Volunteers'* ini telah dapat memberikan impak yang besar khususnya kepada para pelajar. Penerapan kepentingan penggunaan *Web OPAC* sebagai alat pencarian bahan semasa interaksi antara staf PKMA dengan para pelajar juga diyakini akan dapat memberikan kesedaran kepada mereka mengenai penjimatan masa dan pencarian serta pengesanan bahan yang efektif. Penyertaan para pelajar daripada pelbagai kaum juga memberikan gambaran bahawa UNIMAS sememangnya mempunyai semangat 1Malaysia.

Oleh: Karen Kornelius

# Repositori
## INSTITUSI TERUS DISEMARAKKAN




Repositori Institusi UNIMAS (UNIMAS IR) telah membuka satu peluang kepada PKMA untuk melibatkan diri secara langsung dalam inisiatif Universiti iaitu menjamin khazanah Universiti terurus, terpelihara serta meningkatkan pengaksesan dan perkongsian maklumat. Ini selaras dengan hasrat teras Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara untuk pembelajaran sepanjang hayat dan membangunkan modal insan.

Khazanah Universiti yang disimpan oleh PKMA antaranya adalah seperti berikut:

- Tesis dan Disertasi
- Laporan Projek Tahun Akhir Pelajar
- Kertas Seminar/Persidangan/Konferens
- Kertas Penyelidikan F/P/I/B
- Penerbitan Universiti
- Keratan Akhbar mengenai UNIMAS

Fungsi utama Repositori Institusi UNIMAS ialah untuk:

- Menyediakan akses terbuka kepada hasil kajian institusi dengan memuatnaik sendiri bahan-bahan seperti artikel oleh pengarang/penyelidik;
- Menyimpan dan memelihara aset khazanah ilmu digital institusi, hasil kerja termasuk tesis atau laporan yang tidak diterbitkan atau mudah hilang.
- Mengumpul seluruh kandungan hasil kajian dalam satu lokasi.
- Meningkatkan visibiliti terutama dalam penarafan Universiti melalui *webometrics*.

**KOLEKSI BAHAN RI TERKINI**

| F/I/P | Mei 2011 - Disember 2012 | Januari - Mac 2013 | Jumlah Kumulatif (Mei 2011 - Mac 2013) |
|---|---|---|---|
| PRA-U | 41 | 0 | 41 |
| Pengajian Pusat Bahasa | 127 | 5 | 132 |
| FSKPM | 144 | 12 | 156 |
| FPSK | 140 | 7 | 147 |
| FK | 97 | 30 | 127 |
| FIT | 75 | 11 | 86 |
| FSTS | 200 | 83 | 283 |
| FEB | 61 | 25 | 86 |
| FSGK | 123 | 4 | 127 |
| FSS | 37 | 10 | 47 |
| ISITI | 109 | 11 | 120 |
| IBEC | 44 | 29 | 73 |
| IEAS | 27 | 3 | 30 |
| CALM | 11 | 0 | 11 |
| InDI *(bermula pada Mac 2013) | 0 | 3 | 3 |
| Jumlah | 1236 | 233 | 1469 |

Oleh: Wan Abdul Rahman Wan Bujang

# Penerbitan & Sitasi UNIMAS semakin Cemerlang





| Tahun | Rekod *Scopus* | Rekod *ISI WoS** |
|---|---|---|
| 2008 | 108 | 90 |
| 2009 | 144 | 88 |
| 2010 | 192 | 121 |
| 2011 | 216 | 97 |
| 2012 | 202 | 110 |
| 2013 | 35 | 19 |

Perkembangan Bilangan Rekod UNIMAS untuk terbitan di dalam sumber *Scopus* dan *ISI WoS*.

| Tahun | Petikan *Scopus* | Petikan *ISI WoS** |
|---|---|---|
| 2008 | 567 | 369 |
| 2009 | 828 | 578 |
| 2010 | 1094 | 792 |
| 2011 | 1311 | 945 |
| 2012 | 1547 | 1111 |
| 2013 | 386 | 209 |

Perkembangan Bilangan Petikan UNIMAS untuk terbitan di dalam sumber *Scopus* dan *ISI WoS*.

| Sumber | Bilangan Rekod 2007-2011 | Bilangan petikan 2007-2011 | Bilangan Rekod 2008 - 2012 | Bilangan petikan 2008 - 2012 | Peratus (%) Kenaikan Rekod | Peratus (%) Kenaikan Petikan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Scopus | 731 | 4242 | 862 | 5347 | 17.92 | 26.04 |
| ISI WoS | 445 | 2970 | 506 | 3795 | 13.70 | 27.77 |

Peratusan Perkembangan Bilangan Rekod & Petikan UNIMAS di dalam *Scopus* dan *ISI WoS*.

| Sumber | Bilangan Rekod 2008-2012 | Bilangan petikan 2008-2012 | Petikan/ rekod* |
|---|---|---|---|
| *Scopus* | 862 | 5347 | 6.20 |
| *ISI WoS* | 506 | 3795 | 7.50 |

Nisbah Perbandingan Antara Bilangan Rekod & Bilangan Petikan UNIMAS di dalam *Scopus* dan *ISI Wos*.

*Nota: Maksud : 1 Rekod = 6.20 Petikan *(Scopus)*
Maksud : 1 Rekod = 7.50 Petikan *(ISI WoS)*

| Tahun | 2009 | 2010 | 2011 |
|---|---|---|---|
| Faktor Impak Kumulatif *(Scopus)* | 975.807 | 1048.155 | 1443.762 |
| Faktor Impak Kumulatif *(ISI WoS)* | 203.275 | 213.863 | 1439.433 |

Jumlah Faktor Impak Penerbitan UNIMAS di dalam *Scopus* dan *ISI Wos*.

| Fakulti | Rekod *Scopus* | Petikan *Scopus* |
|---|---|---|
| FSTS | 12 | 1 |
| FK | 12 | 1 |
| FPSK | 3 | 0 |
| FEB | 0 | 0 |
| FSKTM | 3 | 0 |
| IBEC | 1 | 1 |
| FSKPM | 0 | 0 |
| IKPK | 1 | 0 |
| PPB | 2 | 0 |
| FSS | 1 | 1 |
| FSGK | 0 | 0 |
| Jumlah | 35 | 4 |

Perkembangan Bilangan Rekod dan Petikan Mengikut Fakulti di UNIMAS untuk terbitan di dalam sumber *Scopus*.










# LITERASI MAKLUMAT

*Oleh: Huzaimah Abdul Rani*

Bengkel Kemahiran Maklumat dilaksanakan untuk pelajar memenuhi keperluan pengguna Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian. Bengkel Kemahiran Maklumat terbahagi kepada 2 jenis iaitu bengkel yang dilaksanakan secara permintaan oleh pengguna dan juga bengkel yang dilaksanakan dalam slot. Bengkel Kemahiran Maklumat juga dilaksanakan menerusi program *Starting School* anjuran PPP yang dilaksanakan pada setiap Rabu, 8.30-9.30am. Bengkel Kemahiran Maklumat diadakan bertujuan meningkatkan kemahiran pencarian maklumat dikalangan pelajar serta penggunaan sumber-sumber maklumat berkualiti dalam penulisan ilmiah. Selain itu, laporan analisis pendidikan pengguna ini disediakan bertujuan untuk:

- Pemantauan pencapaian objektif kualiti MS ISO 9001:2008
- Pemantauan aktiviti pembelajaran sepanjang hayat Universiti

**Analisa Kepuasan dan keyakinan pengguna**

Tahap kepuasan dan keyakinan pengguna digambarkan dalam Carta Pai 1 dan 2.

Analisa dilakukan berdasarkan borang maklumbalas yang dikembalikan pengguna. Kesemua peserta bengkel kemahiran maklumat adalah daripada bengkel yang telah dilaksanakan sepanjang Januari-Mac 2013. Ia melibatkan 441 orang pelajar. Konklusinya, majoriti pelajar yang mengikuti bengkel berpuas hati terhadap bengkel tersebut.

Mereka juga yakin dapat mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari daripada bengkel. Sebanyak 379 borang maklumbalas telah dikembalikan oleh pelajar untuk di analisa.

**Kepuasan Pengguna**




**Keyakinan Pengguna**








Oleh: Huzaimah Abdul Rani

# Sasaran 85% Tercapai Melalui Pinjaman Antara Perpustakaan (Dalaman) Dan Perkhidmatan Bekalan Dokumen

Antara aktiviti utama unit Rujukan dan Perkhidmatan Maklumat Pusat Khidmat Maklumat Akademik adalah melaksanakan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan dan bekalan dokumen. Perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan/pembelian dokumen adalah perkhidmatan yang menyokong warga UNIMAS dalam pengajaran, pembelajaran, dan penyelidikan bagi mendapatkan bahan yang tiada dalam koleksi PKMA.

Selain itu, statistik ini disediakan bertujuan untuk pemantauan pencapaian Pelan Kualiti *(Standard Quality Output)* MS ISO 9001:2008, iaitu "Memastikan sekurang-kurangnya 85% permohonan Pinjaman Antara Perpustakaan Dalaman dapat dipenuhi bagi tahun semasa"













# Memasyarakatkan Ilmu

*Oleh: Wan Abdul Rahman Wan Bujang*



Perpustakaan merupakan sebuah institusi yang memainkan peranan yang sangat berpengaruh di dalam memodenkan sesebuah komuniti yang berilmu dan bermaklumat. Ianya bukan sahaja berfungsi bagi memperolehi, mengumpul dan memproses maklumat untuk menjadi sumber ilmu yang mampan, malah menjadi sumber rujukan bagi mewujudkan masyarakat yang berbudaya ilmu pengetahuan. Telah terbukti pembudayaan ilmu ini menjadi pemangkin bagi membebaskan diri kita daripada belenggu kemiskinan, kejahilan dan kegagalan sosial di dalam masyarakat kita. Di Asia, khususnya di negara Jepun yang benar-benar memberi komitmen terhadap ilmu dan maklumat telah menjadi contoh kepada masyarat lain. Ini termasuk di Singapura yang mana masyarakatnya sungguh prihatin terhadap peranan sesebuah perpustakaan di dalam menyumbangkan kemajuan masyarakat mereka.



Keberhasilan memasyarakatkan budaya ilmu ini adalah bergantung kepada kewujudan dan peranan institusi perpustakaan di sesebuah tempat. Adalah menjadi impian masyarakat sekiranya setiap daerah dan zon di negeri kita ini mampu disediakan sebuah perpustakaan, termasuk di kampung-kampung. Melalui peranan perpustakaan di dalam mewujudkan program dan aktiviti bagi menggalakkan budaya ilmu dan budaya membaca ini maka golongan sasaran, khususnya golongan belia yang bakal menjadi pemimpin negara boleh menyediakan diri mereka untuk menjadi masyarakat yang berprestasi dan berilmu untuk memberi sumbangan berharga kepada masyarakat pada masa akan datang.

Di dalam memajukan sesebuah masyarakat berilmu, institusi perpustakaan haruslah sentiasa bersedia dan aktif, malah perlu berperanan lebih kreatif serta inovatif dari segi penyediaan perkhidmatan dan kemudahan kepada masyarakat setempat. Kemajuan institusi perpustakaan yang selari dengan kemajuan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat, boleh menarik perhatian masyarakat kita terhadap kebolehpercayaan masyarakat terhadap inistitusi perpustakaan ini. Malah perpustakaan adalah mencerminkan bagaimana tahap sosio ekonomi, sosial dan budaya serta taraf pendidikan sesebuah masyarakat itu.



Oleh: Mac Farlaine GJD

# Jom Bersama PKMA!!!

Hari bersama pelanggan ini telah dijalankan pada 28 Mei 2013

Aktiviti yang dijalankan adalah:

- Semak status keahlian,
- Kemaskini rekod keahlian
- Semak denda
- Semak status pinjaman
- Perkhidmatan rujukan maklumat
- Pendaftaran kelas pendidikan pengguna
- Teknik pencarian bahan menggunakan *WebOpac*
- Pertanyaan mengenai kemusykilan tentang Pangkalan Data Atas Talian
- Kemudahan dan perkhidmatan
- Pendaftaran keahlian luar
- Servei kepuasan pelanggan

Objektif hari bersama pelanggan PKMA adalah :

Hari Bersama Pelanggan ini merupakan salah satu aktiviti tahunan PKMA :

i). Untuk mendekati pelanggan bagi mendapatkan maklumbalas dan cadangan.

ii). Sebagai platform kepada pelanggan untuk mengetahui maklumat terkini tentang perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan.




ANALISIS KAJIAN

3.1 Layanan yang saya terima semasa berurusan di kaunter

| Prestasi | Bilangan | Peratusan (%) |
|---|---|---|
| Cemerlang | 40 | 36.36 |
| Amat Baik | 52 | 47.27 |
| Memuaskan | 18 | 16.37 |
| Tidak Memuaskan | 0 | 0 |
| JUMLAH | 110 | 100 |

3.2 Komen terhadap layanan khidmat kaunter

- Pengguna mahukan staf yang bertugas di kaunter sirkulasi sentiasa memberikan senyuman semasa melayan pelanggan.

- Pengguna berpendapat kaunter sedia ada tidak mencukupi terutama kaunter pembayaran dan peminjaman dan pemulangan buku.

3.3 Cadangan penambahbaikan

Beberapa ringkasan isu-isu yang dikemukakan adalah seperti berikut:

- Kemudahan
  a. Untuk menyediakan sudut khas untuk galeri seni
  b. Mempunyai tempat yang selesa untuk bersembahyang dan mengambil wuduk khas bagi pengguna wanita
  c. Untuk menyediakan lebih banyak mesin fotokopi

- Perkhidmatan
  a. Untuk menyediakan pembayaran denda secara atas talian menggunakan kad debit.
  b. Untuk meningkatkan perkhidmatan berkaitan pengurusan pinjaman antara perpustakaan



  c. Untuk menambah bilangan bahan yang dipinjam dan memanjangkan tempoh peminjaman
  d. Untuk memperbanyakkan lagi bahan yang boleh dimuat turun melalui pangkalan data atas talian

- *ICT* & Rangkaian
  a. Untuk menambah bilangan soket dan *internet point* untuk komputer / internet
  b. Untuk memastikan perkhidmatan *WiFi* dan Internet lebih meluas dan pantas
  c. Untuk tingkatkan lagi perkhidmatan anti virus pada setiap komputer

- Bangunan dan Alam Sekitar
  a. Untuk menyediakan lebih banyak meja & kerusi
  b. Keadaan suhu bangunan yang lebih kondusif






# MEMANTAPKAN Penyampaian Maklumat

*Oleh: Wan Abdul Rahman Wan Bujang*



Pusat Khidmat Maklumat Akademik (PKMA) terus berusaha untuk memastikan penyampaian maklumat kepada pelanggannya dapat memberi impak kepada seluruh warga UNIMAS. Melalui penyediaan perkhidmatan Pustakawan Penghubung Fakulti telah membuktikan inisiatif serius PKMA kepada para pelanggannya. Dengan adanya perkhidmatan ini, segala maklumat yang menjadi sasaran kepada fakulti dapat disampaikan secara berkesan.

Setiap Pustakawan Penghubung Fakulti akan bertanggungjawab untuk menyediakan pakej maklumat yang berkaitan dengan fakulti masing-masing. Perkhidmatan ini meliputi mengenalpasti bahan-bahan dalam bentuk bercetak dan bukan bercetak dapat diselaraskan mengikut keperluan fakulti tersebut. Manakala pihak fakulti akan berhubung terus dengan Pustakawan Penghubung Fakulti masing-masing sekiranya ada sebarang keperluan.

Sasaran perkhidmatan ini adalah menyeluruh, iaitu samada golongan pelajar, ahli akademik termasuklah golongan professional dan sokongan bagi fakulti tersebut. Berikut adalah tujuan perkhidmatan dan senarai Pustakawan Penghubung Fakulti UNIMAS.

Tujuan perkhidmatan :

1. Membantu pelanggan dalam pencarian maklumat melalui sebarang saluran komunikasi seperti telefon atau e-mel.
2. Menjalin kerjasama dan memupuk persefahaman dua hala antara PKMA dan fakulti, institut dan pusat.
3. Mendidik pelanggan cara mengakses, mengenal pasti dan menilai bahan daripada pelbagai sumber untuk memenuhi keperluan maklumat.
4. Menjalankan sesi latihan teknik pencarian maklumat khusus.
5. Menyediakan Program Literasi Maklumat untuk pelajar baharu.
6. Membantu dalam mempertingkatkan perkembangan koleksi dalam bidang masing-masing.
7. Memastikan keperluan pengajaran dan pembelajaran seluruh warga UNIMAS dipenuhi

**Senarai Pustakawan Penghubung Fakulti:**

| No | F/I/C | Liaison Librarian | Ext | Email (@cais.unimas.my) |
|---|---|---|---|---|
| 1 | *Faculty of Resource Science & Technology /IKPK/ IBEC/ CWR* | En. Wan Abdul Rahman Wan Bujang | 3912 | wbwarahman |
| 2 | *Faculty of Social Sciences/ IPAT* | En. Shahron Saman<br>Pn. Siti Raffidah Tekat | 3917<br>3890 | sshahron<br>tsraffidah |
| 3 | *Faculty of Cognitive Sciences & Human Development/ CoESTAR* | Pn. Sri Muniarty John<br>Dayang Norsheila Abg Mohtar | 3841 | jsmuniarty<br>mnorsheila |
| 4 | *Faculty of Economics & Business* | En. Mohd Khairol Hafiz Sanawi | 3838 | smkhafiz |
| 5 | *Faculty of Applied & Creative Arts/InDI* | En. Zaiden Sanyut | 3894 | szaiden |
| 6 | *Faculty of Engineering / CoERE* | En. Aziz Tuah | 3933 | taziz |
| 7 | *Faculty of Computer Science & Information Technology / ISITI/ IMAST/ CoEIAST* | Tn. Hj Valentino Abu Bakar<br>Pn. Karen Kornalius | 3885<br>3932 | abvalentino<br>kkaren |
| 8 | *Faculty of Medicine & Health Sciences/MRC* | Pn. Norazlina Abdul Rahman | 082-416550 ext 128 | arnorazlina |
| 9 | *Centre for Language Studies* | Puan Hejilda ak Hendrick | 3934 | hhejilda |
| 10 | *Pre-University Studies Library* | En. Macfarlaine Gilbert Jim Dibuad | 3883 | gjdmacfarlaine |

Oleh: Shahron Saman

# Khidmat Komuniti

## BOOKShare Project









BookShare *Project* telah dirasmikan pada 16 April 2013 yang lepas bertempat di Bilik Mesyuarat Utama PKMA. Projek kerjasama pintar ini adalah anjuran bersama Persatuan Pustakawan Malaysia cawangan Sarawak (PPMKSAR) dan PKMA untuk mengumpul bahan bacaan terpakai di kalangan warga UNIMAS bagi didermakan kepada diagihkan ke sudut bacaan di sekitar kampung dan taman perumahan seluruh Sarawak.

Bagi memudahkan warga UNIMAS untuk membuat sumbangan satu kotak khas berwarna hijau telah ditempatkan khas di Lobi Utama PKMA bagi memuatkan sumbangan bahan bacaan. Sumbangan tersebut akan diagihkan mengikut sudut-sudut bacaan yang diperlukan. Selain dari PKMA, kotak-kotak ini juga diletakkan di Pustaka Negeri Sarawak, *Swinburne University of Technology*, Hospital Umum Sarawak dan Bangunan Kompleks Persekutuan Sultan Iskandar bagi meluaskan lagi pengumpulan bahan-bahan bacaan terbabit.

Projek ini akan dijalankan secara berterusan iaitu tanpa had masa kerana keperluan bahan-bahan bacaan bagi sudut-sudut bacaan yang dimaksudkan adalah amat mendesak. Sumbangan bahan bacaan ini secara zahirnya memaparkan bahawa perkongsian ilmu yang berterusan dikalangan warga Sarawak. Sumbangan bahan bacaan tidaklah terhad kepada buku-buku sahaja, malahan majalah, tabloid, *CD* dan sebagainya juga diterima.

Sumbangan anda amat besar dan bererti kepada semua. Bak kata Pengerusi PPMKSAR "dari ianya disimpan terselit sehingga dibawah katil dan akhirnya dimasukkan kedalam tong sampah, baik didermakan bagi keperluan terutama anak-anak yang tinggal di pedalaman yang sukar mendapat bahan bacaan. Walaupun bahan bacaan itu kecil tapi perkongsian ilmu itu yang kita kehendaki".






Oleh: Wan Abdul Rahman Wan Bujang

# Ketrampilan Maklumat Ditingkatkan

Modul Literasi Maklumat ini adalah bertujuan untuk membantu mempersiapkan golongan sasaran iaitu para pelajar dan ahli akademik untuk mempermudahkan mereka untuk menggunakan dan memanfaatkan sumber rujukan dan maklumat yang telah disediakan oleh pihak PKMA. Dengan adanya modul-modul yang disediakan ini, mudahlah golongan sasaran untuk bebas memilih mengikut keperluan masing-masing.




PKMA telah menyediakan jadual bagi setiap modul tersebut yang mana setiap modul hanya mengambil masa 1 hingga 2 jam mengikut keperluan golongan sasaran ini. Setiap modul ini akan dikendalikan oleh Pustakawan Rujukan dan Pustakawan Penghubung Fakulti untuk membantu mengendalikan kelas ini.

Pusat juga berharap dengan adanya modul-modul literasi maklumat ini dapat membantu para pelajar dan ahli akademik untuk mempertingkatkan penguasaan kemahiran maklumat mereka.



| ***Module*** | ***Content*** | ***Learning objective*** |
|---|---|---|
| *1. Introduction to CAIS* | *• CAIS services and facilities<br>• Opening hours<br>• Collection<br>• Rules and regulations* | *• Understand CAIS as a library for UNIMAS.<br>• Awareness of services and facilities* |
| *2. CAIS Web OPAC* | *• Simple search<br>• Advance Search<br>• My Account<br>• Renew / Request Items online* | *• Understands the Web OPAC as a tool for searching CAIS collection<br>• Making sense of catalogue record of items* |
| *3. Finding Information for Academic Writing* | *• Basic steps in information finding<br>• Constructing keywords<br>• Types of resources available in CAIS for academic writing<br>• Making use of findings* | *• Identify information sources available in CAIS for academic writing.<br>• Performing information searches using electronic resources effectively* |
| *4. Finding Information on the Web* | *• Authority of website<br>• Accuracy of information<br>• Objectivity of information/author<br>• Currency of information<br>• Coverage of information* | *• Identify websites that can be used for academic writing<br>• Evaluate information contained within websites* |
